

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
TERENGGANU BUTTON INDUSTRIES SDN BHD

OLEH

MONZAHASRA BINTI MOHAMED
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(PEMASARAN)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2005

1100045006



LI 32 FPE 4 2005



1100045006

Laporan akhir latihan industri di Terengganu Button Industries Sd. Bhd. / Monizaihasra Mohamed.

PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

4100045006

1100045006

Lihat sebelah



LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI TERENGGANU BUTTON INDUSTRIES SDN. BHD.

Oleh

**MONIZAIHASRA MOHAMED
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(PEMASARAN)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan
Kepada

**Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)**

2005

1100045006

PRAKATA

Latihan Industri merupakan salah satu syarat yang telah diwajibkan oleh Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) ke atas setiap pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) di bawah kod kursus PGN 4799. Dengan ini, setiap pelajar haruslah lulus dalam Latihan Industri ini sebelum layak dipertimbangkan untuk penganugerahan Ijazah.

Tempoh yang telah ditetapkan kepada pelatih bagi mengikuti Latihan Industri adalah selama 12 minggu. Latihan Industri dijalankan semasa pelatih dalam tempoh cuti semester iaitu bermula 21 Mac hingga 11 Jun 2005. Secara umumnya, Latihan Industri adalah untuk mendedahkan pelajar ke alam pekerjaan yang sebenar. Namun begitu, terdapat banyak lagi rasional Latihan Industri diwujudkan kepada pelajar. Antaranya ialah :

- Membolehkan pelajar melihat kaitan di antara teori yang dipelajari di dalam kelas dengan kerja-kerja praktikal.
- Mengaplikasikan pengetahuan atau pengalaman yang diperolehi sepanjang latihan dalam pembelajaran yang berikutnya atau di masa akan datang.
- Menilai kebolehan diri para pelajar sepanjang menjalani latihan sebagai persediaan bagi menghadapi alam pekerjaan sebenar yang semakin mencabar.

- Menanamkan keyakinan dalam diri pelajar dengan membuat segala kerja yang diamanahkan oleh majikan. Dengan ini, pelajar akan yakin pada kebolehan diri sendiri.
- Meningkatkan kematangan dalam perhubungan melalui pergaulan serta interaksi dengan masyarakat luar yang terdiri daripada berbagai lapisan peringkat umur, masyarakat serta agama.
- Memberi peluang kepada pelajar bagi mendapatkan pekerjaan apabila bergraduat nanti dengan menunjukkan bakat sepanjang tempoh latihan.
- Mewujudkan hubungan diplomatik yang erat di antara pelajar, fakulti, agensi kerajaan atau swasta serta pihak industri.

Dengan berpandukan kepada Latihan Industri yang telah dilalui setiap pelajar, diharapkan agar setiap pengetahuan serta pengalaman yang telah diperolehi dapat diserapkan ke dalam sektor pekerjaan yang bakal ditempuhi oleh setiap pelajar pada masa akan datang.

Akhir kata, dengan berakhirnya Latihan Industri ini, para pelajar dapat menilai kemampuan diri sendiri bagi menghadapi arus pekerjaan yang sebenar. Di samping itu, ia juga dapat melahirkan pelajar yang mempunyai keazaman yang tinggi untuk berjaya dengan menjadikan pekerja lain sebagai *role model* bagi mengembangkan lagi sektor ini di persada dunia.

PENGHARGAAN

Bersyukur saya ke hadrat llahi kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, saya berjaya menyiapkan dan melengkapkan laporan akhir Latihan Industri saya selama tiga bulan di Terengganu Button Industries Sdn. Bhd. (TBI) iaitu sebuah syarikat 100 % milik bumiputera yang berkecimpung di dalam bidang tekstil.

Terlebih dahulu, ucapan penghargaan ini saya tujukan khas dan teristimewa untuk Puan Marhana binti Mohd Anuar selaku pensyarah saya dan merangkap Penyelia Industri bagi pihak Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (Kustem). Terima kasih di atas segala nasihat, komen dan tunjuk ajar yang profesional yang diberikan dalam menjayakan laporan ini.

Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada urusetia latihan industri Fakulti Ekonomi dan Pengurusan KUSTEM yang telah banyak membantu dan memudahkan saya dalam menyempurnakan latihan industri ini bermula daripada proses pemilihan tempat latihan industri, pengurusan dokumen dan sehingga tamatnya Latihan Industri selama 12 minggu yang bermula pada 21 Mac sehingga 11 Jun 2005.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada Pn. Rosina binti Abd Ghani, Pengurus TBI Sdn. Bhd. selaku Penyelia Industri dan En. Borhan bin Abdullah, Penolong Pengurus TBI Sdn. Bhd. serta semua kakitangan TBI kerana

telah sudi dan banyak memberikan bantuan dan kerjasama sepanjang 12 minggu saya menjalani Latihan Industri di TBI Sdn. Bhd. ini. Segala tunjuk ajar yang telah diberikan adalah amat bermakna dan tidak dapat dinilai dengan wang ringgit.

Sebelum saya menutup tirai penghargaan ini, sekali lagi saya ingin merakamkan jutaan terima kasih di atas segala sokongan, bantuan dan tunjuk ajar yang telah diberikan oleh semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dalam membantu saya menyiapkan laporan Latihan Industri ini dengan jayanya.

Akhir kata, semoga segala tunjuk ajar dan nasihat yang telah diberikan dan diterima dapat memberi manfaat dan faedah kepada semua pihak yang terlibat secara umumnya. Semoga segala bimbingan yang diperolehi dapat melengkapkan dan memantapkan lagi diri saya dalam menghadapi dunia pekerjaan yang sebenar yang bakal ditempuhi kelak. Insya Allah..


Sekian, terima kasih.

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya, Monizaihasra binti Mohamed

Mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berdasarkan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama: Monizaihasra Mohamed

Tarikh: 20 November 2005

Disahkan Oleh:

Penyelia KUSTEM

B/P Penggerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

*Untuk ayahanda dan bonda tersayang, keluarga tercinta serta rakan-rakan
seperjuangan. Segala sokongan dan komitmen yang ditunjukkan oleh kalian amat
bermakna buat ku...*

ISI KANDUNGAN

	Mukasurat
Prakata	iii
Penghargaan	v
Senarai Jadual	x
Senarai Gambarajah	xi
Ringkasan Eksekutif	xii

BAB 1 LATARBELAKANG ORGANISASI

1.1 Sejarah Ringkas Organisasi	1
1.1.1 Terengganu Button Industries Sdn. Bhd. (Terengganu)	3
1.1.2 Revolusi Produk Keluaran TBI Sdn. Bhd.	5
1.1.3 Logo	6
1.1.4 Matlamat Organisasi	8
1.1.5 Visi Organisasi	8
1.1.6 Misi Organisasi	8
1.1.7 Motto Organisasi	8
1.1.8 Falsafah Organisasi	9
1.1.9 Tumpuan Pasaran	10
1.1.10 Pendekatan untuk Memajukan Organisasi	12

1.2	Maklumat Organisasi	14
1.2.1	Ahli Lembaga Pengarah	15
1.3	Carta Organisasi	16
1.3.1	Mengkaji Carta Organisasi Syarikat	17
1.3.2	Tugas dan Tanggungjawab Setiap Bahagian/Jabatan	18
1.4	Aktiviti Organisasi	24
1.4.1	Pengeluaran Butang	24
1.4.2	Pengeluaran Zip	25
1.4.3	Pengeluaran Benang	26
1.4.4	Pengeluaran Kemeja-T	27
1.4.5	Pengeluaran Uniform Sekolah	28
1.4.6	Penjualan Fabrik	29
1.5	Kekuatan Organisasi	31
1.6	Kemahiran yang Ingin Dipelajari	33

BAB 2 PENGENALPASTIAN MASALAH

2.1	Sistem Penghantaran Produk	
2.1.1	Sistem Sedia Ada	36
2.1.2	Mengenal pasti Masalah	39
2.1.3	Rumusan Analisis dan Perbincangan	40
2.1.4	Cadangan Penyelesaian	41
2.1.5	Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi	42

2.2	Sistem Jualan Fabrik	
2.2.1	Sistem Sedia Ada	44
2.2.2	Mengenal pasti Masalah	47
2.2.3	Rumusan Analisis dan Perbincangan	48
2.2.4	Cadangan Penyelesaian	50
2.2.5	Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi	53
2.3	Sistem Pengeluaran Produk (Kemeja-T)	
2.3.1	Sistem Sedia Ada	55
2.3.2	Mengenal pasti Masalah	58
2.3.3	Rumusan Analisis dan Perbincangan	59
2.3.4	Cadangan Penyelesaian	60
2.3.5	Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi	62
BAB 3	PENUTUP	64
RUJUKAN		
LAMPIRAN		

SENARAI JADUAL

	Mukasurat
Jadual 1.1 Pelanggan Utama Butang	24
Jadual 1.2 Jenis-Jenis Butang	25
Jadual 1.3 Pelanggan Utama Zip	26
Jadual 1.4 Pelanggan Utama Benang	27
Jadual 1.5 Pelanggan Utama Kemeja-T	28
Jadual 1.6 Pelanggan Utama Fabrik	30
Jadual 1.7 Rangka Latihan Industri Syarikat	34

SENARAI GAMBARAJAH

	Mukasurat
Gambarajah 1.1 Revolusi Produk Keluaran TBI Sdn. Bhd	5
Gambarajah 1.2 Logo TBI Sdn. Bhd	6
Gambarajah 1.3 Ahli Lembaga Pengarah	15
Gambarajah 1.4 Carta Organisasi	16
Gambarajah 2.1 Carta Alir Sistem Penghantaran Barang	38
Gambarajah 2.2 Carta Alir Sistem Penjualan Fabrik	46
Gambarajah 2.3 Contoh Borang Tempahan Fabrik	51
Gambarajah 2.4 Carta Alir Sistem Pengeluaran Kemeja-T	57

RINGKASAN EKSEKUTIF

TBI Sdn Bhd merupakan sebuah organisasi milik bumiputera yang ditubuhkan pada akhir tahun 1973 bertempat di Kg. Tok Jembal, Seberang Takir, Kuala Terengganu dan beribu pejabat di Ampang, Selangor. Aktiviti utama TBI ialah memfokuskan kepada sektor pengeluaran produk yang berasaskan tekstil seperti butang, zip, benang, kemeja-T dan pakaian seragam sekolah. Sepanjang 12 minggu tempoh Latihan Industri ini, pelatih telah didedahkan dengan aktiviti-aktiviti yang telah dikendalikan oleh TBI secara keseluruhannya serta operasi sebenar TBI. Pelatih juga perlu mengenali produk-produk yang telah dikeluarkan dan ditawarkan oleh pihak TBI kepada pelanggan yang berada di seluruh Malaysia. Bagi memperlengkap lagi matlamat utama Latihan Industri ini, pelatih juga telah diberi tunjuk ajar dan bimbingan bagaimana untuk menjadi seorang pekerja yang berkaliber dan berketrampilan bagi menghadapi alam pekerjaan yang semakin mencabar kelak.

Selain itu, sepanjang tempoh Latihan Industri ini, pelatih turut didedahkan kepada beberapa pendekatan supaya segala kerja dan tugas yang diberikan dapat dilaksanakan dengan cekap dengan mengikut prosedur yang betul. Salah satu pendekatan yang digunakan oleh pihak TBI ialah pelatih akan didedahkan secara langsung mengenai tugas dan peranan setiap unit. Contohnya seperti di unit jualan, pelatih akan diminta berjumpa dengan pelanggan yang datang ke TBI untuk membuat pembelian. Daripada tugas dan kepercayaan yang diberikan itu, pelatih telah mendapat pelbagai maklumat dan pandangan yang berkaitan sama ada daripada kakitangan TBI itu sendiri mahupun para pelanggannya.

Semasa menjalani Latihan Industri, pelatih telah melihat dan mengkaji beberapa sistem sedia ada yang terdapat dalam organisasi TBI. Antaranya di Jabatan Pengurusan, Jabatan Jualan dan Jabatan Pengeluaran. Antara sistem yang terlibat ialah sistem penghantaran barang, sistem penjualan fabrik serta sistem pengeluaran produk. Berdasarkan kepada sistem-sistem sedia ada dan digunakan oleh TBI ini, pelatih telah mengenal pasti beberapa masalah yang timbul di dalam organisasi yang mana boleh menghalang kelancaran dan kecekapan pengurusan TBI. Oleh itu, ekoran daripada masalah yang wujud di dalam sistem sedia ada ini, pelatih turut mencadangkan beberapa alternatif penyelesaian yang mana mungkin dapat digunakan dan direalisasikan oleh pihak pengurusan syarikat bagi mengatasi masalah-masalah ini supaya menjamin kelancaran syarikat yang lebih efektif dan sistematis.